

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA  
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## SESI PERBINCANGAN MEJA BULAT YB MENTERI KPDNHEP BERSAMA INDUSTRI FRANCAIS

**PUTRAJAYA, 29 JUN 2020** – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dengan kolaborasi Persatuan Francais Malaysia (MFA) menganjurkan Sesi Perbincangan Meja Bulat YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bersama industri francais untuk merangka Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional (PIPFN) 2021-2025.

Dalam sesi perbincangan ini, Kementerian berinteraksi dengan pemain industri francais dengan membincangkan cabaran dan halatuju industri francais bagi memperkembangkan perniagaan francais dalam dan luar Negara. Susulan daripada inisiatif merangka dan membangunkan Pelan Induk Pembangunan Francais Nasional (PIPFN) 2021-2025 dengan kerjasama setiap pemain industri francais, Kementerian berharap satu pelan yang lebih kondusif dan mesra perniagaan dapat dibangunkan.

Kementerian bukan sahaja menyediakan program untuk merencanakan industri francais tempatan di dalam negara tetapi juga untuk membawa jenama francais Malaysia ke persada antarabangsa. Syarikat francais juga diseru merebut peluang yang diberikan oleh Kerajaan untuk membangunkan perniagaan masing-masing sehingga ke luar negara.

Kementerian menjemput industri francais menyertai Karnival Jualan Malaysia 2020 (KJM 2020) dan merencanakan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) sepanjang bulan Julai hingga Disember 2020, khususnya KJM *Online Mega Sales* di bulan November 2020 yang disediakan khas untuk industri e-dagang, francais dan jualan langsung.

-lagi-

Selain itu, YB Menteri turut mengutarakan pandangan bahawa wujud jurang usahawan atau *entrepreneurial gap* dalam perusahaan francais yang perlu diisi. Sehubungan itu, industri francais perlu menyediakan pakej yang turut boleh diusahakan oleh usahawan-usahawan golongan PKS/SME.

**###**

---

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

**NURAMALINA BINTI IBRAHIM**

Pengarah

Bahagian Pembangunan Francais, Jualan Langsung dan Pentadbiran

Tel : 03-88826265

Emel : [nuramalina@kpdnhep.gov.my](mailto:nuramalina@kpdnhep.gov.my)

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampunkan sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapkan dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam berurusanniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP :

